

# Gengsterisme di Sekolah - Wajarka

**S**EMUA pihak terutama ibu bapa dan guru perlu bekerjasama untuk membendung aktiviti gengsterisme yang kini menular di sekolah, sebelum ia menjadi barah yang membawa kehancuran kepada negara. Sebagai pewaris masa depan sepatutnya, golongan pelajar harus menjadikan institusi pendidikan sebagai tempat menimba ilmu, bukannya menubuhkan kumpulan gengster yang boleh membahayakan keselamatan pelajar lain.

Saranan ini seharusnya diterima secara terbuka. Jika dilihat daripada hasil kajian Gengsterisme di sekolah menengah harian oleh Bahagian dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan beberapa tahun lalu, perangkaannya amat membimbangkan. Sejumlah 459 daripada 1560 sekolah menengah harian sebagai berisiko tinggi, iaitu terdedah kepada pelbagai masalah gengsterisme. Antaranya termasuklah salah laku yang serius seperti peras ugut, salah guna dadah, mencabul kehormatan, pelacuran, mencuri, berjudi menceroob dan membawa senjata.

Hari ini, kes-kes melibatkan gengsterisme yang boleh dikategorikan sebagai serius turut berlaku di sekolah-sekolah berasrama penuh (SBP). Ini belum mengambil kira kejadian-kejadian yang berlaku di sekolah menengah teknik seluruh negara. Bagaimanapun, pihak sekolah bijak menyembunyikannya daripada sampai ke pengetahuan masyarakat khususnya menerusi media massa.

Perkara ini perlu ditangani dengan cara yang berhemah ibarat menarik rambut dalam tepung. Dalam menyelesaikan masalah sebegini, nama baik sekolah sentiasa dijaga supaya tidak tercemar.

Jika kita sedar betapa perlunya sekolah menjaga nama baiknya, perkara sebegini juga seharusnya tidak disembunyikan dan menganggapnya sebagai tiada apa yang serius.

Sikap menganggap "tidak ada yang serius" dan semua perkara adalah perkara kecil inilah yang membawa kepada berlakunya masalah-masalah yang lebih besar dan tidak boleh dikawal.

Jika anda berkesempatan berbual-bual dengan guru atau pelajar di kawasan pedalaman umpamanya, anda mungkin terkejut jika dibisikkan bahawa gejala merokok sudah menular di kalangan pelajar berumur sembilan tahun lagi - bagaikan sudah menjadi perkara biasa bukan bagi pelajar sekolah menengah semata-mata, tetapi di kalangan pelajar sekolah rendah.

Di sesetengah sekolah pula kedapatan masalah sehingga ada pelajar yang hamil ketika dalam sesi persekolahan.


Jawapan biasa yang akan anda dengar ialah "...itu perkara biasa."

Malah, jika kita berkesempatan dan rajin berbual dengan guru atau pelajar itu sendiri, kita pasti akan mendapat cerita-cerita tidak enak yang kadang kala tidak terfikir ia berlaku dalam sebuah institusi persekolahan - sebuah institusi yang dianggap mulia dalam masyarakat selain tempat beribadat.

Bagaimanapun, itulah hakikat pahit yang selama ini kita cuba sembunyikan hanya semata-mata kerana mahu "menghormati" institusi sekolah yang menjadi tempat bercambahnya ilmu dan melahirkan tokoh-tokoh ternama.

Lebih-lebih lagi dengan status sebuah sekolah itu sebagai sebuah SBP, keperluan untuk menyorokkan pekung di dada mungkin semakin perlu kerana perkara-perkara negatif sebegini akan menjejaskan nama baik sesebuah sekolah.

Dalam konteks ini, kita amat berharap apa yang selama ini dilindungi daripada pengetahuan umum benar-benar dilakukan atas kesedaran untuk memperbaiki keadaan dan bukannya untuk melindungi kelemahan mana-mana pihak.



Kita tidak mahu, selepas ini akan terbongkar lagi pelbagai perkara buruk yang selama ini cuba diselindungi. Lebih membimbangkan jika apa yang cuba diselindungi ini tidak disusuli dengan tindakan kita untuk memperbaiki keadaan.

Berlakunya gejala-gejala negatif ini di Sekolah berasrama penuh iaitu sekolah khusus untuk anak-anak bumiputera yang bijak dan terpilih, adalah sesuatu yang amat dikesali.

Mungkin ini menjadi satu sebab kenapa semakin ramai ibu bapa memilih untuk tidak menghantar anak mereka bersekolah di sekolah aliran perdana atau SBP adalah kerana masalah disiplin, terutamanya berkaitan gengsterisme. Mereka berminat menghantar anak ke sekolah aliran agama yang pada tanggapan lebih selamat. Mereka dikatakan tidak banyak terbabat dalam kancah masalah sosial.

Apabila berhadapan dengan segala macam cabaran baru yang melanda generasi muda sekarang, pihak sekolah perlu lebih sedar mengenai pentingnya sikap "tidak apa" dan menganggap semua perkara adalah kecil dibuang jauh-jauh. Setiap masalah perlu diselesaikan walau sekecil mana sekali pun.

Para guru terutamanya guru besar dan pengetua juga mempunyai peranan yang amat penting dalam usaha menangani gejala buruk ini. Mereka seharusnya tidak menyembunyikan kegiatan gengsterisme dan samseng di kalangan pelajarannya. Sekolah-sekolah yang terbabat dengan masalah gengsterisme diminta memberikan kerjasama penuh kepada polis. Kita perlu mencipta formula baru bagi membendung virus disiplin yang semakin membimbangkan. Semua pihak perlu berganding bahu dan bekerjasama tanpa saling menuduh antara satu sama lain.

Jika benar, sesuatu perkara itu perlu dilindungi demi menjaga kepentingan dan maruah pelajar dan nama baik sekolah, lakukanlah dengan penuh keinsafan, bertanggungjawab dan bukannya menyorok kelemahan dan membiarkan api membara dalam sekam.

# Disembunyikan?

## Antara Kes Pergaduhan Pelajar di Asrama (Februari 2001 – September 2003)

26 Februari 2001

Seorang pelajar lelaki tingkatan dua sekolah Rancangan Khas Agama (SRKA) di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Kukup, Pontian, Johor, dibelasah dan ditelanjangkan oleh tujuh pelajar tingkatan tiga di asrama sekolah itu.

31 Januari 2002

Sembilan pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra, Behor Pulau, Perlis, cedera selepas bergaduh dengan sekumpulan pelajar senior di asrama sekolah itu.

2 November 2002

Seramai 31 pelajar Sekolah Menengah Agama Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor, ditahan polis kerana kes membelasah seorang pelajar tingkatan satu sekolah itu.

27 Julai 2003

Pelajar Sekolah Pertukangan Perantis Tentera Darat, Si Rusa dekat Port Dickson, Mohamad Al Hafiz, 17, patah tulang rusuk dan pendarahan di paru-paru selepas dibelasah kira-kira 30 pelajar senior ketika di asrama.

11 Ogos 2003

Pelajar tingkatan empat sekolah Menengah Teknik Batu Pahat Johor, Mohd Hafizi Jumhari, rosak sebelah buah pinggang selepas dibelasah sekumpulan pelajar senior kerana bercakap dengan pelajar perempuan.

12 Ogos 2003

Pelajar tingkatan lima Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Jeli, Mohd Hasif Akmal Abdul Halim, patah tangan kanan selepas dibelasah lima pelajar lain kerana marahkan mangsa yang tidak membuang kulit durian seperti diarahkan guru mereka.

21 September 2003

Dua bekas pelajar Sekolah Menengah Teknik Teluk Intan, Perak diserang sekumpulan lebih 20 pelajar sekolah itu yang dipercayai mahu membalas dendam terhadap mangsa yang dikatakan membuli pelajar junior sewaktu menjadi senior ketika orientasi dulu.

## Psikologi Menangani Masalah Samseng

Gejala gengsterisme di kalangan para pelajar boleh dikaitkan dengan tahap disiplin seseorang individu. Menurut *Kamus Dewan*, disiplin membawa pengertian latihan pemikiran dan kelakuan supaya ahli masyarakat atau individu boleh mengawal diri, peraturan-peraturan yang ditetapkan untuk melatih seseorang berkelakuan baik.

Manakala dari sudut agama Islam disiplin dapat disimpulkan satu tatacara larangan atau satu sistem hukuman yang dikenakan ke atas seseorang. Selain itu ia adalah satu proses latihan dan pembelajaran yang bertujuan untuk membuat, menguat dan menyuburkan unsur-

unsur kawalan diri serta kepatuhan kepada peraturan dan norma-norma kebudayaan.

Secara psikologi, gengsterisme boleh diatasi dengan:

\* Semua pihak mesti mengamalkan sikap mesra, berbudi bicara, berpsikologi dan hormati maruah.

\* Jangan menangani masalah keras dengan tindakan yang keras kerana risikonya tinggi dan tiada kesudahannya. Amalkan konsep menang-menang (win-win situation).

\* Semua pihak perlu memahami psikologi dan naluri pelajar. Anggapan pelajar sekolah rendah mereka sudah dewasa dan pelajar sekolah menengah anggap mereka sudah matang kedewasaannya.

\* Jangan dikerasi, dicabar, ditengking, dimalukan dan dibohongi. Pelajar akan bersikap liar, panas baran, drastik dan melawan.

\* Beri perhatian serius, berbincang, didampingi dan tunjukkan contoh yang baik sebagai teladan.

\* PIBG hendaklah berkerjasama, bermuafakat, berganding bahu dan dedikasi dengan moto "mahu semua pelajar cemerlang dalam akademik, ko-kurikulum dan sahsiah".

\* Pegawai mesti bersikap terbuka dan anggaplah setiap warga sekolah sebagai sahabat.

\* Warden jangan terlalu emosional terhadap pelajar asrama. Jangan dera pelajar sesuka hati dan beri kuasa mendenda kepada pelajar senior.

\* Berfikir panjang sebelum merotan pelajar semasa perhimpunan. Implikasinya tiada noktahnya. 

